

18 ikan 'kayangan' RM7,050 di Sungai Jelai

Uth 14/7/2022 Pg : 30

LIPIS: Pengurus restoran masakan tradisional Pahang, House of Patin Kuala Lumpur, Ahmad Daniar Ismail, 46, teruja memperoleh hasil tangkapan ikan bernilai tinggi iaitu patin buah dan jelawat di Sungai Jelai, berdekatan Kampung Kuala Medang di sini.

Sebanyak 14 ekor patin buah dan empat ekor jelawat dijala olehnya yang nilai pasaran kesemua ikan 'kayangan' itu berjumlah RM7,050.

Jumlah itu berdasarkan harga RM150 sekilogram untuk patin buah dan RM120 sekilogram ikan jelawat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahmad Daniar berkata, dia turun ke Sungai Jelai berdekatan kampung asalnya kira-kira pukul 7 pagi kelmarin untuk menjala ikan.

"Sebelum ini, saya pulang ke Kuala Medang untuk membeli ikan patin dan ikan liar Sungai



AHMAD DANIAR ISMAIL menunjukkan ikan patin dan jelawat hasil tangkapan di Sungai Jelai berdekatan Kampung Kuala Medang, Lipis, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Jelai daripada nelayan sungai untuk mengisi stok di Restoran House of Patin kerana sudah habis dimasak dan dijual kepada

pelanggan di Lembah Klang.

"Baru-baru ini, saya sendiri turun menjala memandangkan air Sungai Jelai surut dan cuaca baik.

Tidak menghampakan apabila memperoleh 14 ekor patin buah dan empat ekor ikan jelawat kira-kira dua jam menaiki bot gentian kaca," katanya di sini.

Menurut Ahmad Daniar, dia bertuah apabila hanya dalam tempoh dua jam berjaya menjala ikan patin buah, malah ibarat sebagai 'bonus' memperoleh ikan jelawat, iaitu antara ikan 'kayangan' yang banyak terdapat di habitat Sungai Jelai di daerah ini.

Katanya, dia tidak menunggu lama untuk memperoleh tangkapan pertama apabila hampir 20 minit jala ditebar lalu diangkat naik ke atas bot terdapat dua ekor patin buah.

"Tangkapan patin buah dan jelawat ini disimpan serta dimasak di restoran House of Patin kerana masih ada lagi pelanggan terdiri daripada warga kota yang membuat tempahan," katanya.